

05 AUG 2003

PUTIN-KEISTIMEWAAN/I

KEISTIMEWAAN DIBERIKAN KEPADA KUMPULAN TERTENTU YANG MASUK KE RUSSIA

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Presiden Russia, Vladimir Putin berkata hari ini ahli perniagaan, ahli politik dan pelajar Malaysia akan mendapat keistimewaan untuk memasuki ke negaranya dengan mudah.

Putin, yang tiba di sini semalam sempena lawatan rasmi berkata walaupun kegiatan keganasan menyebabkan mereka terpaksa mengenakan peraturan visa dan pemeriksaan imigresen serta keselamatan lapangan terbang yang ketat, terdapat beberapa golongan tertentu yang mendapat keistimewaan.

"Kami perlu mempermudah kategori tertentu warganegara daripada pelbagai negara yang mewujudkan hubungan ekonomi yang rapat dengan Russia, seperti Malaysia," katanya kepada Forum Perniagaan Malaysia-Russia, di sini, hari ini.

Ia antara lainnya membantu memastikan persekitaran kondusif bagi kegiatan perniagaan yang lebih kukuh antara kedua-dua negara, katanya semasa satu sesi soal jawab.

Terdahulu, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengunjungi Putin. Presiden Russia itu akan berlepas pulang ke negaranya pada malam ini.

Putin berkata semasa pertemuan itu Dr Mahathir memaklumkan bahawa kira-kira 400 warga Malaysia belajar di Russia dan berharap lebih ramai yang akan menyambung pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi di sana.

Putin memberitahu forum itu bahawa sistem dagangan pelbagai hala sepatutnya berfungsi sebagai asas bagi hubungan dagangan antarabangsa dan untuk menjayakannya, kepentingan setiap negara perlu diberi pertimbangan.

"Saya percaya hubungan perniagaan sepatutnya berasaskan kepada hubungan antarabangsa yang baik," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Presiden Russia itu berkata terdapat potensi besar bagi perdagangan antara Malaysia dan Russia dan ini termasuklah kerjasama erat dalam sektor telekomunikasi, penerbangan dan aero angkasa.

Bahagian-bahagian lain bagi kemungkinan kerjasama adalah dalam pelancaran satelit, perbankan dan perniagaan insurans, katanya. -- BERNAMA

MAD KTC ZK